

Headline	Tiada rekod pokok lebih 100 tahun		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	25 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	245,911
Page No	8	Readership	737,733
Language	Malay	ArticleSize	211 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,712
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,136



POKOK besar yang terdapat di Ipoh.

## Tiada rekod pokok lebih 100 tahun

**KUALA LUMPUR 24 Nov.** - Ketiadaan pemusatan penyelenggaraan pokok menyukarkan pemantauan dilakukan ke atas pokok-pokok besar yang berisiko, walaupun tanaman itu diselia pihak berkuasa tempatan (PBT) atau agensi berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Ini kerana, PBT mahupun agensi berkaitan mempunyai tugas hakiki lain yang perlu dilaksanakan selain menyelenggara pokok sehingga menyebabkan ada antara tugas selenggara itu dilakukan dua kali setahun.

Tambahan pula pada masa ini terdapat perubahan angin monsun yang mengakibatkan kejadian bencana sering berlaku seperti pokok tumbang, banjir kilat dan tanah runtuh di cerun.

Menurut sumber, kerajaan perlu menyediakan program khusus atau melaksanakan program inventori dan pemeriksaan serta penyelenggaraan berkala untuk mengenal pasti tahap kesihatan serta

risiko pokok-pokok besar yang berusia lebih 100 tahun.

“Melalui program seperti itu, risiko serta bahaya pokok tua ke atas penduduk sekitar dapat dikenal pasti sekali gus membolehkan tindakan mitigasi diambil bagi mengurangkan bencana kepada manusia dan harta benda,” katanya baru-baru ini.

Malah, menurut sumber, sehingga kini Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) juga tidak mengetahui serta mempunyai rekod keseluruhan bilangan pokok yang melebihi usia 100 tahun dan berisiko tinggi kepada masyarakat sekiranya di tanam di laluan awam.

Difahamkan, institut itu pernah bekerjasama dengan pihak PBT di Pulau Pinang dan Taiping, Perak bagi menjalankan pemeriksaan terhadap pokok-pokok besar terutama yang berisiko serta merekodkan bilangan pokok hujan-hujan dan pokok angsa yang ditanam lebih 100 tahun dahulu sebagai pokok teduhan pinggir jalan dan ikon kawasan.